

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 1/2015

KADAR BARU BAYARAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA BAGI TANAH KERAJAAN , TANAH REZAB DAN TANAH LOMBONG


Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan supaya mengenakan kadar baru bayaran ke atas lesen pendudukan sementara bagi tanah kerajaan , tanah rezab dan tanah lombong di bawah Seksyen 67 Kanun Tanah Negara 1965 yang dikenakan pada kadar sebagaimana Kaedah 20 , Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.

2. Pengenaan kadar baru ini selaras dengan Mesyuarat Jawatankuasa Punca Hasil Negeri Kelantan Bil. 1 / 2014 pada 9 Jun 2014 yang bersetuju memperakui cadangan supaya menetapkan kadar bayaran baru yang berpatutan bagi Lesen Pendudukan Sementara. Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran dan Pembangunan Tanah Bil.1 /2015 pada 08hb. Januari 2015 bersetuju untuk menetapkan suatu kadar baru Lesen Pendudukan Sementara .

3. Kadar baru Lesen Pendudukan Sementara adalah ditetapkan pada kadar 10 kali kadar cukai sewa tanah RM15.00 iaitu bersamaan dengan RM150.00 sehекter bagi tanah yang digunakan untuk tujuan pertanian tanpa mengambil kira samada tempoh pendudukan setahun atau kurang dari setahun .Pengenaan kadar baru ini selaras dengan kehendak Kaedah 14 , Bab 3 (Tanah Desa) , Bahagian D , Butiran (iii) , Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.

4. Pentadbir-Pentadbir Tanah diminta memberikan perhatian dan mengambil tindakan serta merta untuk mengenakan kadar bayaran baru tersebut.

5 Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.


DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, *D.P.S.K.(Kelantan)*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM,
15503 KOTA BHARU
KELANTAN

FAIL : PTG.KN.3269 JLD.4 (1)
BERTARIKH : 22 RABIUL AWAL 1436H
13 JANUARI 2015